



## Mahasiswa UMSKAL bantu pelajar SMK Lajau

48 20.3.2014 B4

LABUAN: Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) membantu pelajar SMK Lajau pada program Kursus Motivasi Tingkatan Enam sekolah itu, 14-16 Mac lalu.

Program itu dianjurkan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Pembimbing Rakan Siswa UMSKAL dengan kerjasama SMK Lajau.

**FADZLI (duakiri) dan Yussop (duakanan) bersama pelajar SMK Lajau yang menghadiri Kursus Motivasi di UMS Labuan.**

Seramai 55 pelajar SMK Lajau dan 10 fasilitator dari Pembimbing Rakan Siswa menyertai program itu di Dewan Theatre, Pantai dan Kompleks Dewan Kuliah Pusat UMS Labuan.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Penolong Pendaftar BHEP UMSKAL Mohd Fadzli Sarudi yang juga Penyelaras Program bagi mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Ismail Ali.

Turut hadir Pengetua SMK Lajau Cikgu Yusop Mohamad, Penolong Kanan Tingkatan 6 Nurul Nazihah Abdullah, Pembimbing Rakan Siswa Nur Iman Reedzal, Penyelaras

Program SMK Lajau Ahmad Radzi dan Ketua Fasilitator Nur Hanifah Kastian.

Fadzli berkata, penceramah terdiri daripada barisan pemimpin MPP, PR Siswa dan Kaunselor SMK Lajau.

Katanya, pelajar SMK Lajau juga mengadakan lawatan ke Perpustakaan UMSKAL bagi pelajar menyelesaikan tugas dan mendapat kebenaran untuk penggunaan perpustakaan pada masa akan datang.

Sementara itu, Yussop mencadangkan program mentor dan mentee antara pelajar tingkatan 6 dan fasilitator PR Siswa diadakan bagi memastikan program itu berterusan.